

Headline	Perjuangan hak golongan sejenis cemari prinsip kita
Date	07 Sep 2010
MediaTitle	Berita Harian
Section	Nasional
Journalist	N/A
Frequency	Daily
Circ / Read	192,982 / 1,521,000

Language	Malay
Page No	18
Article Size	429 cm²
Color	Black/white
ADValue	12,150
PRValue	36,450



Perjuangan hak golongan sejenis cemari prinsip kita

Kedudukan nilai moral, budaya dan agama jadi tanda aras

THE Yogyakarta Principles 2006 memuatkan prinsip pemakaian undang-undang antarabangsa berkaitan orientasi seksual dan kesamaan gender. Prinsip ini dibentuk atas dasar bahawa orientasi jantina dan identiti gender adalah perkara yang diperlukan dalam menjaga kehormatan dan sifat kemanusiaan setiap individu.

Selain itu, orientasi jantina dan identiti gender tidak harus dijadikan asas kepada diskriminasi dan penganiayaan terhadap golongan lesbian, gay, bisexual, transgender (LGBT).

Hak golongan LGBT menjadi isu di Malaysia sedikit masa ini. Atas dasar hak asasi dan kebebasan, golongan itu mahu masyarakat menerima dan memberi pengiktirafan kepada mereka. Mereka juga mahu pengiktirafan daripada sudut undang-undang negara.

Bagi golongan ini, hak kebebasan dan hak asasi harus diberikan serta dijamin untuk semua golongan tanpa mengambil kira gender atau orientasi jantina (sexual orientation) mereka.

Walaupun perkara ini bukan sesuatu yang baru di negara ini, ia menjadi isu kerana sesetengah pihak membuat tunutan penerimaan dan pengiktirafan secara terbuka.

Pada dasarnya fahaman yang dibawa The Yorkyakarta Principle berorientasi hak kebebasan liberal tajaan Barat. Pada Disember 2008, Belanda dan Perancis membuat cadangan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk meluluskan satu deklarasi pengiktirafan orientasi jantina dan identiti gender. Usaha ini mendapat sokongan Eropah, tetapi ditentang negara Liga Arab.

Cadangan itu antara lain, mengutuk sebarang bentuk kekejaman, gangguan, diskriminasi, penyisihan, pencelaan dan prejudis terhadap golongan LGBT. Cadangan itu juga mengutuk sebarang pembunuhan, pendakwaan, penganiayaan, tangkapan secara melulu dan juga halangan atau pelucutan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan terhadap golongan ini.

Cadangan ini mendapat pujian banyak pihak kerana ia dikatakan sebagai pembuka tirai kepada perbincangan mengenai hak golongan LGBT

Headline	Perjuangan hak golongan sejenis cemari prinsip kita	Language	Malay
Date	07 Sep 2010	Page No	18
Media Title	Berita Harian	Article Size	429 cm²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	12,150
Frequency	Daily	PRValue	36,450
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

yang dianggap taboo oleh masyarakat PBB.

Mereka yang menentang dan mengkritik cadangan ini menggunakan hujah agama dan sekatan terhadap hak kebebasan peribadi. Sehingga kini cadangan itu masih belum mendapat pengiktirafan PBB.

Bagi negara kita Malaysia, adakah kemodenan, hak kebebasan dan hak asasi memberi tiket untuk menerima idea hak asasi liberal Barat seperti LGBT ini? Adakah Malaysia patut mengutamakan dasar *internationalization* hak asasi dan hak kebebasan seperti acuan Barat? Adakah masyarakat Malaysia harus mengorbankan nilai moral, budaya dan agama yang sekian lama berakar umbi di tanah ini?

Jika kita rujuk kepada salasilah undang-undang yang menjenayahkan perlakuan hubungan sejenis, ia bukan saja berasal daripada Islam, malah ajaran agama lain pada asalnya tidak mengiktiraf hubungan sejenis.

Lihat saja debat Hart and Devlin berkaitan Wolfenden Report. Cendikiawan Barat masa itu bertelagah sesama sendiri mengenai sama ada mereka harus menolak atau menerima saja nilai moral dalam masyarakat mereka.

Hakikatnya, walaupun ada negara di dunia yang membenarkan atau mengiktiraf LGBT, masih ada golongan tertentu tidak berasa senang dengan keadaan itu. Ia tidak disokong sepenuhnya oleh semua ahli masyarakat.

Saya tidak fikir ini harus diterima di Malaysia kerana ia amat bertentangan dengan nilai moral, budaya dan agama negara ini. Walaupun LGBT sebenarnya wujud dan merebak di sini, ia tidak bermakna Malaysia harus mengiktirafnya secara terbuka atau juga melalui perundangan.

Saya pernah suarakan bahawa kedudukan nilai moral, budaya dan agama memainkan peranan penting dalam

menyediakan satu tanda aras kepada apa yang dikatakan hak asasi. Saya juga pernah menyebut bahawa falsafah hak asasi di Malaysia ini amat berbeza dengan falsafah hak asasi yang dibawa Barat.

Apa yang dipentingkan dalam falsafah hak asasi tajaan Barat ialah kehendak manusia yang disandarkan kepada logik akal atas tiket kebebasan tanpa sempadan. Di Malaysia, prinsip moral, budaya dan agama bukan saja mendapat perhatian undang-undang, termasuk undang-undang tertinggi negara, malah ciri hidup asal masyarakat negara ini.

Seumur pihak, terutama yang terbabit secara langsung mengenai isu LGBT di negara ini harus mengambil perhatian terhadap banyak perkara, selain aspek moral, budaya dan agama.

Sensitiviti masyarakat secara keseluruhan harus diambil kira. Apa juar tindakan pihak berkenaan sama ada mahu atau pun tidak, akan secara terus membabitkan masyarakat keseluruhan bukan saja golongan LGBT. Ia lumrah kehidupan yang setiap individu dalam satu masyarakat tidak dapat lari daripada terbabit dan berurusan dengan individu yang lain dalam masyarakat itu. Ia adalah sifat egois sekiranya seorang itu menolak kehidupan bermasyarakat kerana manusia secara fitrahnya perlu hidup bermasyarakat.

Pihak berkenaan juga harus mengambil perhatian terhadap kedudukan Islam di dalam Persekutuan. Tidak keterlaluan jika saya katakan masyarakat Islam yang mempercayai dan beramal dengan cara hidup Islam sepenuhnya tidak akan merelakan perkara seperti ini diiktiraf oleh undang-undang negara. Cukuplah dengan masalah sosial lain yang sedang dihadapi umat Islam dan masyarakat Malaysia.

Selain itu, ideologi negara juga perlu direalisasikan. Begitu juga dengan

prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan serta Kesopanan dan Kesusailaan, dalam Rukun Negara harus juga diambil peringatan yang sewajarnya, walaupun ia bukan dasar perundangan negara.

Penulis ialah Penolong Profesor Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

“ Bagi negara kita Malaysia, adakah kemodenan, hak kebebasan dan hak asasi memberi tiket untuk menerima idea hak asasi liberal Barat seperti LGBT ini? Adakah Malaysia patut mengutamakan dasar internationalization hak asasi dan hak kebebasan seperti acuan Barat? Adakah masyarakat Malaysia harus mengorbankan nilai moral, budaya dan agama yang sekian lama berakar umbi di tanah ini”

